

Tarikh : 29 March 2009 (Ahad)

Kepada semua ahli PIBG

Mesyuarat Agung PIBG Ke-36

Semua ibubapa SJK (C) Kuen Cheng 1 dijemput menghadiri Mesyuarat Agung yang akan diadakan pada hari Ahad, 29 March 2009, pukul 9:00 pagi di auditorium sekolah.

En. Eng Nam Heng

YDP PIBG

SJK (C) Kuen Cheng 1

Agenda Mesyuarat :

1. Ucapan Pengerusi
2. Ucapan Guru Besar
3. Sesi Perkenalan
4. Penyampaian Hadiah UPSR Tahun 2008
5. Jamuan Ringan
6. Mesyuarat Agung PIBG
7. Perlantikan Ahli Jawatan Kuasa PIBG 2009/2010
8. Perkara Yang Dicapangkan
9. Majlis Bersurai

**PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU-GURU
SJK (C) KUEN CHENG 1, JALAN BELFIELD,
50460 KUALA LUMPUR.**

MINIT MESYUARAT AGUNG PIBG KALI KE-36

Tarikh : 29 Mac 2008

Masa : 9:00 a.m

Tempat : Auditorium SJK (C) Kuen Cheng 1

Pengerusi : En. Eng Nam Heng

Pencatat : Penolong Kanan Puan Chong Wee Fung

Cikgu Choo Swee Yin

Cik Wong Phoay Lok ,

Cikgu Siew Ai Leng

1.0 Ucapan Alu-aluan Pengerusi.

- 1.1 Bagi pihak PIBG, beliau mengucapkan terima kasih atas kesudian ibu bapa meluangkan masa untuk menghadiri mesyuarat agung yang ke-36 ini.
- 1.2 Memandangkan hasrat setiap orang susah dapat dipenuhi, maka segala pelaksanaan rancangan yang ditentukan berdasarkan undi majoriti yang menyokong sesuatu rancangan.
- 1.3 Tenaga kemanusiaan dan kewangan sekolah kami semakin meningkat. Pengerusi menyeru ibu bapa agar berketerampilan mengambil inisiatif untuk menganggotai PIBG, demi kepentingan masa depan anak-anak mereka.
- 1.4 Sejak SJK (C) Kuen Cheng (2) berpindah, banyak pembangunan dijalankan oleh pihak Lembaga Pengurus. Contohnya, dua blok bangunan yang bertingkat tiga dengan kemudahan tandas baharu dibina, bumbung lama sekolah digantikan dengan yang baharu, kawasan sekolah dipagari semula, kemudahan pejabat guru, bilik mesyuarat, bilik muzik dan bilik sains diperengkap, koridor bilik darjah diperindah, dua buah bilik darjah baharu didirikan. RM190 ribu telah dibelanjakan untuk memasang penyaman udara yang berkuasa 148 'horse power' di dewan. Bangunan sekolah dicat dengan bantuan peruntukan kerajaan manakala dinding bilik darjah dicat dengan bantuan ibu bapa secara sukarela.
- 1.5 Pihak PIBG memberi kerjasama kepada pihak sekolah dengan sepenuhnya untuk menjayakan pelaksanaan persekolahan satu sesi.
- 1.6 Kepelbagaian kegiatan kokurikulum di sekolah kami amat memuaskan. Yuran sejumlah 10 bulan yang dikutip daripada murid digunakan sebagai bayaran kepada jurulatih yang bertauliah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum.
- 1.7 Menurut penilaian ibu bapa pada Malam Konsert Kuen Cheng tahun lepas, taraf aktiviti kokurikulum perlu ditingkatkan lagi
- 1.8 Pengerusi menyeru agar ibu bapa giat menyertai aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh PIBG. Beliau berterima kasih kepada sekumpulan ibu bapa yang telah menolong untuk menyediakan sudut membaca di perpustakaan.
- 1.9 Ahli-ahli PIBG tahun ini banyak berbelanja wang sendiri untuk menjayakan sesetengah aktiviti. Misalnya meraikan sambutan Hari Guru di One World Hotel, persembahan Tarian Singa dan

Naga pada Tahun Baru Cina, jamuan sukaria Tahun Baru Cina dan jamuan durian.
Perbelanjaannya dianggarkan sebanyak RM 16,000.00

- 1.10 Ribuan terima kasih diucapkan bukan sahaja kepada Lembaga Pengurus, tetapi juga kepada Guru Besar, 3 orang Penolong Kanan, semua guru serta semua ahli PIBG atas usaha menyempurnakan segala-galanya demi pembangunan sekolah.

2.0 Ucapan Guru Besar

- 2.1 Terima kasih diucapkan atas kesudian ibu bapa menghadiri mesyuarat ini. Ibu bapa yang mengambil berat terhadap anak-anak mereka amat disanjung.
- 2.2 SJK (c) Kuen Cheng (1) terdiri daripada 1150 orang murid, 59 orang guru termasuk Guru Besar, 3 orang Penolong Kanan dan 5 orang guru sandaran.
- 2.3 Setelah mencapai kemerdekaan, sekiranya tanah atau bangunan sekolah yang hak milik dipunyai oleh Lembaga Pengurus, maka segala perbelanjaan sekolah seperti alat bantu mengajar atau pelaksanaan aktiviti (tidak termasuk perbelanjaan penyenggaraan atau pembaikan bangunan sekolah) dibiayai oleh pihak kerajaan. Pembiayaan ini sebanyak RM100 setiap murid.
- 2.4 Lembaga Pengurus menanggung perbelanjaan bil air dan elektrik sebanyak RM10,000 setiap bulan. Pihak Lembaga bertanggungjawab akan kelengkapan bangunan sekolah manakala pihak PIBG bertanggungjawab menjaga kebajikan murid-murid.
- 2.5 Jika dipuratakan setiap tahun, perbelanjaan yang ditanggung oleh PIBG untuk kebajikan setiap murid lebih kurang antara RM 120 ke RM 130.
- 2.6 Peranan yang dimainkan oleh PIBG amat penting sebagai sukarelawan. Mereka menyumbang jasa bukan semata-mata berdasarkan keuntungan diri.
- 2.7 Berkat sumbangan tenaga dan kewangan PIBG, segala aktiviti sekolah seperti persembahan Ulang Tahun Sekolah ke-100, Majalah Sejarah Kuen Cheng ke-100 dan Malam Kuen Cheng dapat berjalan dengan lancar. Penghargaan diberikan kepada ahli-ahli PIBG kerana berdedikasi untuk menjayakan kesemua program tersebut.
- 2.8 Ibu bapa diseru agar dapat meluangkan lebih masa ke sekolah untuk memahami pergerakan PIBG dan bersemaufakat dengan pihak sekolah untuk mencapai kemajuan sekolah. Dengan itu, ibu bapa dan pihak sekolah dapat berganding bahu untuk mendidik dan melahirkan generasi muda yang berguna.
- 2.9 Pengintegrasian kerohanian dan keintelektualan amat penting dalam proses pembentukan peribadi atau sahsiah sebagai insan yang terpuji.
- 2.10 Aktiviti ko-kurikulum yang dipelbagaijeniskan dan kelas tambahan yang diadakan dapat meningkatkan prestasi murid-murid dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.
- 2.11 Terima kasih diucapkan atas kerjasama Lembaga Pengurus, PIBG dan para guru untuk melancarkan segala aktiviti yang dijalankan.
- 2.12 Bakat murid dapat dicungkil dan ditonjolkan pada Malam Konsert Kuen Cheng. Tepukan gemuruh ibu bapa pada malam itu memang dapat memupuk keyakinan murid-murid.

2.13 Analisa keputusan UPSR tahun 2008.

Pemahaman BM SK	96.2%	Penulisan BM SK	100.0%
Pemahaman BM SJK	80.0%	Penulisan BM SJK	85.0%
Pemahaman BC	86.4%	Penulisan BC	92.5%
Bahasa Inggeris	93.45%	Sains	97.7%
Matematik	99.1%		

Gred	Bilangan Murid
7A	14
6A	36

GPS 1.88

Nilai GPS yang semakin rendah menunjukkan prestasi sekolah berkenaan semakin cemerlang.

Keputusan UPSR SJK (C) Kuen Cheng 1 tahun 2008 dapat digolongkan dalam kedudukan kelima dalam kategori pertama di Wilayah Persekutuan.

- 2.14 Tahun ini, bilangan kelas ditambah sebanyak tiga buah. Kemahiran penyelenggaraan teknologi multimedia dalam kalangan guru akan dipertingkatkan.
- 2.15 Semangat berdikari harus dipupuk dalam kalangan kanak-kanak. Jangan terlalu memanjakan anak-anak kita.
- 2.16 Untuk mengelakkan tekanan emosi, anak-anak kita tidak digalakkan untuk menyertai terlalu banyak kelas tambahan. Namun, anak-anak kita pun tidak boleh dibiarkan berkembang secara bebas. Bimbingan yang sewajar diperlukan.
- 2.17 Biasanya, golongan murid yang cerdas selalu bersikap angkuh. Ibu bapa diseru memerhatikan gerak-geri anak mereka agar nilai murni berbudi pekerti dapat disemai sejak kecil lagi.
- 2.18 Usaha ibu bapa untuk mengecat bilik kelas, bergotong royong membersihkan kawasan sekolah, lukisan mural pada dinding amat dihargai. Sumbangan ibu bapa akan menjadi contoh teladan kepada anak-anak mereka.
- 2.19 Disebabkan tiket penerbangan menawarkan kos yang lebih murah, maka sebelum mulanya cuti semester, anak-anak berkecenderungan ponteng sekolah dibawa melancong oleh ibu bapa pada waktu persekolahan. Secara tidak langsung, sikap tidak bertanggungjawab akan terbentuk dalam kalangan anak-anak kita.
- 2.20 Murid-murid yang menghadapi masalah pengangkutan selalu lewat ke sekolah disebabkan alasan jarak berjauhan dari rumah ke sekolah. Ibu bapa yang berkenaan dinasihati mesti memupuk sikap anak supaya menepati masa sejak kecil lagi. Selain itu, ibu bapa harus selalu berprihatin terhadap kebersihan diri anak-anak mereka.

3.0 Sesi Perkenalan

Para guru diperkenalkan kepada ibu bapa oleh Penolong Kanan Puan Wong Yee Chin.

4.0 Penyampaian Hadiah UPSR Tahun 2008

AJK PIBG menyampaikan hadiah wang sagu hati sebagai dorongan kepada murid-murid yang lulus UPSR dengan cemerlang.

	Bilangan murid	Jumlah
7A	14 x RM 150	RM 2100
6A	36 x RM 100	RM 3600
5A	13 x RM 50	RM 650
4A	27 x RM 30	RM 810
Lulus semua mata pelajaran	65 x RM 20	RM 1300
		RM 8460

5.0 Jamuan Ringan

Para hadirin dijemput menikmati jamuan ringan di kantin.

6.0 Mesyuarat Agung PIBG

6.1 Disebabkan banyak tahun melibatkan diri dalam PIBG, pengerusi berharap agar dapat meletakkan jawatannya pada tahun ini.

6.2 Pengesahan minit mesyuarat tahun lepas

6.3 Penyemakan minit mesyuarat tahun lepas.

Minit mesyuarat yang berkenaan telah dicetak dan telah diedarkan kepada semua ahli. Ahli –ahli dijemput melayari laman web ([www.kc1.edu/download AGM 08/09](http://www.kc1.edu/download/AGM%2008/09)) untuk menyemak semula minit mesyuarat berkenaan:

Dicadangkan oleh Cikgu Ting Sing Ho

Disokong oleh Cikgu Tam Siau Lean

Diluluskan sebulat suara.

6.4 Laporan setiausaha

Perkembangan PIBG sepanjang tahun dilaporkan oleh Cikgu Choo Swee Yin.

6.5 Perbincangan dan Pengesahan Laporan Bendahari

6.5.1 Puan Teoh Lee Cheng menyediakan laporan kewangan secara bercetak.

6.5.2 Perbelanjaan untuk membeli buku cerita (4.3.2) dikemukakan oleh salah seorang ibu bapa yang menyatakan apa sebab buku cerita tidak ditambahkan di perpustakaan sepanjang tahun itu. Guru Besar menerangkan bahawa bantuan kewangan kerajaan adalah mencukupi. Maka, pihak PIBG tidak perlu menanggung perbelanjaan tersebut.

6.5.3 Salah seorang ibu bapa bercadang bahawa Simpanan Tetap PIBG harus ditabungkan dalam beberapa akaun simpanan tetap dengan jumlah yang kecil supaya tidak kerugian bunga sekiranya simpanan tetap dikeluarkan semasa menghadapi kecemasan.

Pengerusi berjanji akan mempertimbangkan cadangan ini.

6.5.4 Terdapat empat orang pengawal keselamatan yang bertugas di sekolah kami. Dua orang diupah oleh pihak kerajaan manakala yang dua lagi diupah oleh pihak PIBG demi keselamatan murid.

6.5.5 Kos pembersihan tandas dapat dijimatkan kerana perkhidmatan tersebut telah diswastakan dan bahan serbuk pencuci dibekalkan oleh syarikat swasta yang berkenaan.

6.5.6 Laporan Bendahari telah dicetak dan disemak semula oleh ahli-ahli mesyuarat agung. Pengesahannya dicadangkan oleh Thomas Chin Yun Phin dan disokong oleh Puan Lin Mei Ling. Diluluskan sebulat suara.

6.6 Hal- hal lain

Puan Ho berharap agar pihak sekolah akan menyediakan suatu tempat letak bekas minuman dan bekas makanan untuk murid-murid di tandas.

6.7 Perlantikan Ahli Jawatankuasa 2009/2010

En. Yap Chin Choy dilantik sebagai Pengerusi Perlantikan Ahli Jawatankuasa 2009/2010.

Beliau mengumumkan bahawa ahli-ahli Jawatankuasa PIBG kali ke-35 dibubarkan.

Keputusan Pemilihan AJK Jawatankuasa 2007/08 ada seperti di bawah :

Jawatan	Nama
Yang Dipertua	En. Lew Chun San
Naib Yang Dipertua	En. Hon Fun Ping
Setiausaha	Pn. Chong Wee Fung
Naib Setiausaha	Cik. Siew Ai Leng
Bendahari	En. Lee Kok San , Joshua
Naib Bendahari Penolong Bendahari	Pn. Tang Swee Ping Cik. Yii Wen Ting
AJK (Ibubapa)	En. Kenneth Gorden Ng Pn. Lim Bee Ling En. Paul Lim Vey Hong Pn. Chua Poh Kam En. Alan Koh Ooi Pong
AJK (Guru)	Pn. Tong How Mooi Pn. Ho Oi Hwa Cik Tan Sou Foon Cik Wong Mee Lan

Pemegang Amanah	En. Peter Hui Yiw Leong Pn. Ho Sow Yin	Pn. Fong Siow Kin Pn. Moh Wai Li
Audit	En. Eng Nam Heng	Pn. Lim Bee Ho

6.8 Cadangan yang dikemukakan

- 6.8.1 Bayaran sebanyak 9 bulan dibuat oleh murid kepada PIBG berdasarkan pilihan pakej aktiviti kokurikulum yang telah ditetapkan.
- 6.8.2 Murid-murid tidak dibenarkan menarik diri sesuka hati setelah menyertai sesuatu aktiviti kokurikulum yang tertentu. Bayaran bulanan tidak dikecualikan pada waktu cuti awam dan cuti penggal.
- 6.8.3 Jumlah bayaran sebanyak RM121 setiap tahun daripada ibu bapa digunakan untuk membiayai perbelanjaan kelas komputer.
- 6.8.4 Wang yang dikutip daripada ibu bapa sebagai wang derma setiap tahun dimasukkan ke dalam tabung PIBG. Wang kutipan derma tersebut digunakan untuk membiayai segala pelaksanaan aktiviti sekolah.
- 6.8.5 Pihak sekolah menyerah kuasa kepada PIBG atas wang yang dikutip daripada ibu bapa sebagai yuran sekolah akan dimasukkan ke dalam Akaun PIBG Kedua. Penggunaan bayaran tersebut berdasarkan cadangan pihak sekolah.

Murid membuat bayaran yang ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah seperti berikut

Kertas Ujian	RM 10
Sukan	RM 5
Kegiatan Ko-kurikulum	RM 5
<u>Kegiatan Moral</u>	<u>RM 5</u>
<u>Jumlah</u>	<u>RM 25</u>

- Pihak sekolah dengan persetujuan PIBG akan memindahkan bayaran kutipan tersebut ke dalam Akaun Wang SUWA sebaik sahaja menerima arahan yang tercatat dalam surat pekeliling.

- 6.8.6 Kawalan yang ketat di pintu masuk sekolah tetap diteruskan.

Cadangan yang dikemukakan oleh ahli jawatankuasa PIBG ke-36 diterima sebulat suara.

Majlis bersurai pada jam 2:15 petang.